

TARIKH	28/Mei/2012	EDISI	Nasional
MUKA SURAT	12	RUANGAN	NASIONAL

## Pusat beri Kedah RM50j urus imam, guru agama

**A**LOR SETAR: Kerajaan Pusat memperuntukkan RM50 juta kepada kerajaan Kedah bagi pengu-  
rusan imam, guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), guru takmir dan Pegawai Penyelia Masjid Daerah (PPMD) tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata geran tahunan itu disalurkan sejak awal tahun ini, khusus bagi membolehkan pengurusan dan pembiayaan kakitangan terabit dijalankan dengan lancar.

"Setiap tahun kita beri, tetapi orang tak tahu peruntukan ini datang daripada Kerajaan Pusat dan lazimnya terjadi salah faham.

"Oleh itu saya jelaskan perkara ini dan minta semua imam, guru KAFA, guru takmir dan PPMD supaya bersama-sama kerajaan menegakkan syiar Islam di seluruh negeri," katanya selepas majlis penyerahan zakat perniagaan Tabung Haji berjumlah RM3.3 juta bagi 2011 di Istana Anak Bukit, di sini, semalam.

Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, berkenan mencemar duli menerima cek pembayaran zakat itu. Hadir

sama, Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah, Datuk Seri Tunku Annuar Sultan Badlishah.



SERI PADUKA (kanan) menerima replika cek daripada Jamil Khir pada majlis penyerahan zakat perniagaan Tabung Haji di Istana Anak Bukit di Alor Setar, semalam.